



**PERMOHONAN CADANGAN (RFP)
HAK PENAMAAN
PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG**

Rujukan Sebut Harga: PSDKLPP.RFP.05

Dikeluarkan oleh: Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang

Tarikh Keluaran: 3 Jun 2026

Tarikh Tutup: 3 Julai 2026 – 12:00 tengah hari

BAHAGIAN A: MAKLUMAT AM

1.1. Latar Belakang Pemilik

Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) adalah badan berkanun negeri yang bertanggungjawab ke atas pengurusan, penyelenggaraan dan pembangunan semua stadium, kompleks sukan, taman rekreasi dan kawasan lapang di Pulau Pinang. Sejalan dengan visi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Sukan bertaraf antarabangsa, PSDKLPP berhasrat untuk memeterai Perjanjian Hak Penamaan (Naming Rights Agreement) bagi aset strategiknya.

1.2. Objektif

PSDKLPP mempelawa agensi pemasaran sukan, perunding tajaan (sponsorship consultancy) atau syarikat media yang berkelayakan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan berikut:

- **Perkhidmatan Agensi Eksklusif** untuk mencari, merunding dan mendapatkan Penaja Tajuk (Title Sponsor) bagi Hak Penamaan (Naming Right) stadium dan kemudahan sukan terpilih di bawah pengurusan PSDKLPP.

1.3. Skop Perkhidmatan

Agensi yang dilantik akan bertindak sebagai wakil eksklusif PSDKLPP merangkumi skop kerja seperti berikut namun tidak terhad kepada:

1. **Penilaian Pasaran (Valuation):** Menentukan nilai pasaran semasa hak penamaan berdasarkan pendedahan media, trafik pengunjung, dan profil demografi;
 2. **Pakej Aset (Asset Packaging):** Mereka bentuk pakej hak (termasuk papan iklan, hak penyiaran, hak keutamaan, pengaktifan pengalaman) yang menarik kepada penaja;
 3. **Pemasaran & Jangkauan:** Menyediakan Memorandum Maklumat Sulit (CIM) dan mendekati bakal penaja di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa dan;
 4. **Rundingan & Perundangan:** Mengetuai rundingan terma komersial (yuran, tempoh, klausa eskalasi) dan menyelaras dengan pegawai undang-undang PSDKLPP untuk penyediaan Perjanjian Hak Penamaan (NRA) muktamad.
-

BAHAGIAN B: KELAYAKAN & SYARAT

2.1. Kelayakan Wajib

Agensi mestilah:

- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan kawal selia setaraf;
- Mempunyai pengalaman terbukti dalam urus niaga hak penamaan sukan atau tajaan berskala besar (minimum **RM 1 juta** nilai kontrak) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan; dan
- Tidak mempunyai konflik kepentingan dengan kontraktor sedia ada PSDKLPP.

2.2. Kriteria Penilaian

Cadangan akan dinilai berdasarkan (100%):

1. **Strategi dan Kreativiti Pendekatan (40%)** – Kaedah agensi meyakinkan bakal penaja.
2. **Struktur Komisen dan Yuran (30%)** – Keberkesanan kos (dicadangkan komisen antara 10% hingga 20% daripada nilai kontrak).
3. **Rekod & Rujukan (30%)** – Kualiti dan reputasi pelanggan lepas.

BAHAGIAN C: ASET YANG DITAWARKAN

2.1. Aset PSDKLPP

PSDKLPP membuka peluang Hak Penamaan untuk mana-mana satu atau gabungan **Stadium/Ruang berikut** (sila nyatakan dalam cadangan):

Pilihan 1: Stadium Negeri Pulau Pinang

- Status: **Sedia Ada** (Operasi)
- Keistimewaan: Pusat sukan utama dan tuan rumah pasukan bola sepak profesional Pulau Pinang.
- Pendedahan: Perlawanan Liga M, piala domestic, acara bukan sukan, konsert dan acara berskala besar peringkat kebangsaan atau negeri.

Pilihan 2: Kompleks Sukan Balik Pulau

- Status: Sedia Ada (Operasi)
- Keistimewaan: Pusat kecemerlangan sukan di Daerah Barat Daya. Lokasi terletak di sebuah pekan pertanian yang tenang dan strategik. Merupakan kawasan pertanian durian yang berkualiti di Malaysia.
- Potensi: Sesuai untuk jenama tempatan yang mesra oleh warga Pulau Pinang.

Pilihan 3: Dewan Millenium Kepala Batas

- Status: Sedia Ada (Operasi)
- Keistimewaan: sebuah dewan dalam kawasan pentadbiran daerah Seberang Perai Utara yang boleh memuatkan 120 meja bulat dalam suatu masa. Merupakan antara dewan yang terkenal untuk mengadakan jamuan kenduri perkahwinan di Seberang Perai Utara serta lain-lain acara seperti penganjuran sukan tinju atau taekwando. Selain daripada dewan besar, bangunan juga dilengkapi dengan auditorium yang boleh memuatkan 150 orang serta 8 bilik serbaguna.
- Pendedahan: Kenduri, penganjuran kejohanan sukan, program Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta karnival-karnival seperti kerjayaan, home deco dan sebagai.

Pilihan 4: Taman Rimba Bandar WoodHAVEN

- Status: Sedia Ada (Operasi)
- Keistimewaan: sebuah taman rimba bandar dibina oleh PSDKLPP dari tapak kosong. Lokasi strategik di kawasan kejiranan dan fasiliti-fasiliti sukan. Dipenuhi dengan warga Pulau Pinang setiap pagi untuk bersenam dan rekreasi. Taman dilengkapi dengan *boardwalk*, laman keluarga, *tensile membrane*, kolam, kawasan permainan kanak-kanak dan lain-lain lagi. Taman rimba bandar ini juga mendapatkan pengiktirafan mural berkonsep rimba bandar terpanjang oleh The Malaysia Book of Records.
- Pendedahan: Pengunjung yang berjumlah konsisten untuk bersenam, ibu bapa yang membawa kanak-kanak ke taman permainan setiap petang, kawasan perjiranan yang padat.

Pilihan 5: Taman Kejiranan Taman Areca

- Status: Sedia Ada (Operasi)
- Keistimewaan: sebuah taman kejiranan penuh dengan pokok bunga dibina oleh PSDKLPP dari tapak kosong. Lokasi strategik di kawasan perumahan yang padat seperti Flat Desa Pinang 2 dan Kondominium Summer Place. Setiap hari taman ini dipenuhi dengan orang yang bersenam dan riadah.
- Pendedahan: Pengunjung yang berjumlah konsisten untuk bersenam, ibu bapa yang membawa kanak-kanak ke taman permainan setiap petang, kawasan perjiranan yang padat.

BAHAGIAN D: TEMPOH & TERMA

2.1. Terma Permohonan Cadangan (RFP)

- **Tempoh Kontrak Agensi:** 12 bulan (dengan pilihan untuk pembaharuan berdasarkan prestasi);
- **Model Komisen:** Yuran Kejayaan (Success Fee) setelah Perjanjian Penamaan dimeterai antara PSDKLPP dan Penaja;
- **Kerahsiaan:** Semua dokumen teknikal dan kewangan PSDKLPP adalah SULIT.

BAHAGIAN E: PROSES PENYERAHAN

5.1. Kandungan Cadangan

Sila sediakan cadangan **3 salinan bercetak** dan **1 salinan PDF** di dalam USB. Kandungan mestilah merangkumi:

1. **Surat Pengiring & Ringkasan Eksekutif** (2 muka surat);
2. **Strategi Pemasaran** – Kaedah mencari penaja untuk pasaran Pulau Pinang;
3. **Cadangan Kewangan** – Pecahan struktur komisen; dan
4. **Profil Syarikat & Pengalaman** – Lampirkan bukti urus niaga lepas.

5.2. Tarikh Penting

- **Taklimat / Lawatan Tapak (Optional):** 10 Jun 2026 sehingga 16 Jun 2026. Sila sahkan kehadiran dengan menghubungi pegawai penyelia 04-5899 209.
- **Tarikh Tutup Soalan Bertulis:** 16 Jun 2026 (Emel: general@psdklpp.gov.my)
- **Tarikh Tutup Penyerahan:** **3 Julai 2026 sebelum 12:00 tengah hari**

5.3. Alamat Penyerahan

Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang,
Peti Tender, Pejabat Pengurusan PSDKLPP
Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan
14100, Simpang Ampat, Pulau Pinang.
(*Bertanda "RFP: HAK PENAMAAN – SULIT" di luar sampul*)

BAHAGIAN F: PENAFIAN

PSDKLPP berhak menolak mana-mana atau semua cadangan tanpa memberi sebarang sebab. PSDKLPP tidak terikat untuk menerima cadangan yang terendah atau manapun. Kos penyediaan cadangan ditanggung sepenuhnya oleh agensi.